

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 1/1978.**

---

Pengalihan Bahan Bantuan Mengikut Peraturan 20(54) Peraturan Tanah Terengganu 1966.

Pekelilingan ini adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk menarik perhatian Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri berkait dengan Peraturan 20(54) Peraturan Tanah Terengganu, 1966, yang mana menetapkan bahawa pengalihan bahan-bahan batuan (rock materials) adalah dikenakan bayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Sungguhpun begitu, terdapat juga peruntukan bahawa pengecualian boleh diberi sekiranya pengalihan bahan-bahan bantuan itu digunakan untuk Pihak Berkuasa Negeri sahaja sebagaimana diperturunkan di bawah ini:-

"Provided that no fees shall be charge for any of the above materials which are removed for the use of the State Authority"

2. Dalam hal pengecualian ini adalah didapati kenderaan-kenderaan yang bukan kepunyaan Kerajaan digunakan untuk mengalih bahan-bahan batuan itu. Untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang masalah atau salah faham seperti ketika pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu dan juga Pejabat-pejabat Tanah, maka Ketua-ketua Jabatan adalah diminta memberi pengakuan bertulis, bahawa pengalihan bahan-bahan batuan itu adalah dibuat untuk kegunaan Pihak Berkuasa Negeri, kepada Pemungut Hasil Tanah di Daerah yang berkenaan supaya dapat pihaknya mengeluarkan permit pengecualian kepada tiap-tiap kenderaan yang menjalankan tugas itu.
3. Pengakuan dan permohonan untuk mendapatkan permit pengecualian itu bolehlah dibuat mengikut Lampiran 'A' berkembar.

t.t.  
(DATO' LELA JASA)  
Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu.

Bil. (24) dlm. PTG.TR. 13/66.

Kuala Terengganu, 19hb. Mac, 1978.

LAMPIRAN A

Pemungut Hasil Tanah

-----  
Tuan,**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 1/1978.**Pengalihan Bahan-bahan Mengikut Peraturan 20(54) Peraturan Tanah Terengganu 1966.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan dengan ini memperakukan bahawa pengalihan yang akan dibuat seperti kenyataan di bawah adalah untuk kegunaan Pihak Berkuasa Negeri:-

- i) Jenis Bahan Bantuan yang hendak dipindahkan: -----
- ii) Tempat diambil dan tempat dipindah: -----  
     Dari -----  
     ke -----
- iii) Jumlah (eg: ela padu): ----- ela
- iv) Tempoh (haribulan): -----  
     Dari -----  
     hingga -----
- v) Kenderaan yang digunakan dan Nombor:
- a) -----
- b) -----
- c) -----
- d) -----

2. Oleh yang demikian sukacita saya memohon dapat tuan mengeluarkan permit-permit pengecualian.

Sekian, terima kasih.

-----  
 KETUA JABATAN.